

# Obor-obor dalam rumah

**Penduduk terkiln pemaju perumahan tebang pokok bakau benteng halang air laut**

Oleh Muhammad Apendy Issahak  
apendy@hmetro.com.my  
Manjung

“Seluruh ruang rumah kami dipeenuhi air laut dan obor-obor, inilah yang kami hadapi sejak Ahad lalu akibat banjir berpunca dari air pasang besar,” kata Mohd Fahmi Khalid, 27, penduduk Kampung Sungai Batu, Pantai Remis, di sini.

Menurutnya, kira-kira 50 rumah penduduk di kawasan terbabit dinaiki air sehingga ke paras pinggang sejak beberapa hari lalu.

Fahmi berkata, kejadian banjir akibat air laut pasang besar yang mereka alami kali ini paling buruk dan penduduk berpendapat ia berpunca dari projek pembangunan perumahan di kawasan tepi laut berhampiran kampung mereka.

“Projek pembangunan itu



**HUTAN** paya bakau kini sudah jadi kawasan lapang selepas ditebang untuk projek pembangunan di Kampung Sungai Batu Pantai Remis.

bermula sejak 2011 di kawasan hutan paya bakau seluas kira-kira 80 hektar berhampiran rumah kami.

“Bagi tujuan pembangunan itu, pihak pemaju menebang hutan pokok bakau yang menjadi benteng dari air laut melimpah masuk ke

kawasan kampung selama ini,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, susulan itu, setiap kali air pasang terutama air pasang besar, penduduk kampung sentiasa dalam kebimbangan kerana risau rumah dimasuki air.

**KANAK-KANAK** mengambil kesempatan bermain air di Kampung Sungai Batu Pantai Remis.

Menurutnya, keadaan menjadi semakin teruk apabila pihak pemaju bertindak membuka dan mendalamkan sungai yang digali di perumahan itu hingga menyebabkan air laut melimpah masuk ke kawasan kampung yang terletak tidak sampai satu kilometer dari laut.

“Sepanjang tiga hari lalu, berlaku air pasang besar dan ke semua rumah penduduk di sini dinaiki air serta ada yang dimasuki air setinggi

**FAKTA**  
Pendapatan nelayan turut terjejas

keadaan menjadi semakin teruk apabila pihak pemaju bertindak membuka dan mendalamkan sungai yang digali di perumahan itu hingga menyebabkan air laut melimpah masuk ke kawasan kampung yang terletak tidak sampai satu kilometer dari laut. “Sepanjang tiga hari lalu, berlaku air pasang besar dan ke semua rumah penduduk di sini dinaiki air serta ada yang dimasuki air setinggi semeter hingga merosakkan perabot dan barang elektrik. “Perkara ini juga sudah kami laporkan kepada pihak berkuasa termasuk Pejabat Daerah Manjung serta Jabatan Parit dan Saliran (JPS) untuk tindakan segera, tetapi setakat ini belum ada tindakan dilakukan,” katanya. Fahmi berkata, kejadian bukan saja mengakibatkan kerugian kepada penduduk kampung, tetapi menyebabkan anak penduduk yang rumah mereka dinaiki air tidak dapat ke sekolah. “Air yang naik hanya surut selepas empat jam kemudian dan ia menyukarkan penduduk menjalankan aktiviti harian terutama kanak-kanak bersekolah. “Kami harap perkara ini diatasi segera kerana kami bimbang perkara lebih buruk berlaku terutama pada musim hujan,” katanya. Seorang lagi penduduk Zainol Ariffin, 56, berkata, ekoran kawasan hutan paya bakau ditebang itu, habitat haiwan liar terutama kera dan burung yang menghuni kawasan itu turut terjejas. “Kini kawasan ini sudah tiada lagi burung yang singah kerana tiada lagi pokok bakau dan lebih teruk kera yang banyak di sini sebelum ini sudah lari ke kawasan bukit berhampiran kampung serta banyak yang memasuki rumah penduduk untuk mencari makanan.

“Pendapatan penduduk yang bekerja sebagai nelayan seperti saya juga terjejas kerana hasil laut seperti siput belitung, siput belitung dan lokan sudah tiada lagi di kampung ini,” katanya.

Tutup kembali sungai